

01 AUG 1998

DR MAHATHIR KEMBALI KE TANAH AIR

SEPANG, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali ke tanah air hari ini selepas lawatan seminggu ke tiga buah negara Afrika.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini pada pukul 6.45 pagi.

Persinggahan pertama Dr Mahathir semasa lawatan itu ialah Afrika Selatan, dan di sana beliau telah mengadakan perjumpaan dengan Pemangku Presiden Thabo Mbeki. Beliau turut merasmikan pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia yang baru di samping melancarkan Pesta Makanan dan Kebudayaan Malaysia di Pretoria.

Perdana Menteri juga telah menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika `98 semasa melakukan lawatan kerja selama lima hari ke Namibia.

Dr Mahathir menyampaikan ceramah mengenai pentadbiran global pada dialog itu selain bercakap mengenai krisis mata wang Asia. Dialog itu dihadiri 14 negara Afrika.

Beliau turut mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Namibia Dr Samuel Nujoma, Presiden Zimbabwe Robert Mugabe dan beberapa pemimpin Afrika yang lain.

Dr Mahathir juga mengunjungi Mozambique semasa lawatan itu dan mengadakan perbincangan dengan Presiden Joaquim Alberto Chissano. Beliau juga berkesempatan melawat sebuah kawasan perindustrian.

-- BERNAMA

ES RHM NMO